

12/02/1998

Tabung Setia Negara dimansuh

KUALA LUMPUR, Rabu - Tabung Setia Negara yang ditubuhkan oleh Kementerian Penerangan dimansuhkan bagi membolehkan sumbangan secara langsung disampaikan kepada Perbendaharaan Negara.

Kabinet hari ini menetapkan Perbendaharaan Malaysia sebagai badan khas mengumpul dan menyelaras sebarang sumbangan rakyat untuk meningkatkan simpanan, dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata dengan keputusan itu, semua sumbangan orang ramai, sama ada dalam bentuk emas, wang ringgit atau barang berharga, boleh diserahkan terus kepada Perbendaharaan, mulai hari ini.

"Bagaimanapun, Kementerian Penerangan akan meneruskan kempen menggalakkan orang ramai menyumbang membantu meringankan beban yang ditanggung oleh negara.

"Sumbangan boleh disampaikan kepada Kementerian Penerangan atau agensi di bawahnya untuk direkod dan diserahkan kepada Perbendaharaan Negara," katanya pada sidang akhbar di Angkasapuri.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kabinet akan membincangkan penubuhan badan khas mengawasi derma, penjualan barang kemas dan harta bagi meningkatkan dana negara supaya ia tidak diseleweng.

Sebelum ini, kerajaan meminta orang ramai memberi apa juga sumbangan seperti harta, barang dan wang yang boleh dijual untuk mendapatkan tukaran asing dan dijadikan sebahagian rizab negara.

Pengumpulan seumpama itu sudah dilakukan oleh rakyat Korea Selatan dan Thailand, yang teruk dilanda kegawatan ekonomi sebagai usaha membantu negara mereka.

(END)